

**PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUITTHO.PB/10.12/14 (13)

1 Oktober 2003

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2003

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

**MENARIK BALIK PERUNTUKAN BAHAGIAN/PUSAT/FAKULTI YANG
TIDAK HABIS DIBELANJAKAN PADA AKHIR TAHUN 2003**

Sukacita dimaklumkan bahawa peruntukan tahun 2003 telah diagihkan kepada semua Pusat Tanggungjawab pada bulan Januari 2003.

Sehubungan dengan itu juga pihak Y. Bhg. Dato' / Prof / Tuan / Puan adalah diingatkan supaya dapat membelanjakan peruntukan tersebut dengan sebaik-baiknya.

Pejabat Bendahari telah menetapkan bahawa semua peruntukan yang tidak dikomit diperingkat Permohonan Rasmi/Inden/Kontrak akan ditarik balik dan diagihkan semula kepada Pusat Tanggungjawab yang lebih memerlukan.

Sehubungan itu, pihak Y. Bhg. Dato' / Prof / Tuan / Puan perlu membuat tindakan segera kepada perkara-perkara berikut :

1. Memberikan maklumat lanjut mengenai **baki peruntukan dan perancangan perbelanjaan sehingga akhir tahun mengikut vot dan dasar.**
2. **Menyerahkan kembali baki peruntukan yang tidak dapat dihabiskan sehingga akhir tahun 2003.**
3. **Memohon peruntukan tambahan sekiranya perlu bagi perolehan yang boleh dikomit sebelum hujung tahun.**
4. **Maklumat di atas hendaklah dikemukakan kepada Unit Belanjawan, Pejabat Bendahari pada atau sebelum 10 Oktober 2003.**

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ia diedarkan.

Kerjasama dan perhatian pihak Y. Bhg. Dato' / Prof / Tuan / Puan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang benar



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

4536007

- s.k - Rektor
- Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Rektor (Akademik)
 - Ketua Audit Dalam